



PM dengar taklimat kemajuan projek

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, diberi penerangan oleh Pengerusi Promet, Datuk Ibrahim Mohamad (kiri beliau) mengenai kemajuan projek tambahan Terminal Dua di Subang, semalam.

Promet adalah syarikat pemborong yang mengendalikan projek berharga \$7.4 juta.

Datuk Seri Dr. Mahathir melawat projek itu sejurus selepas mengucapkan selamat berangkat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang memulakan lawatan diraja selama seminggu ke Arab Saudi.

Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon dan Menteri Kerjaya dan Kemudahan Awam, Datuk Samy Vellu turut mengiringi Perdana Menteri. — Gambar Berita Harian.